

# SAFFID CAPSULE 300MG

Gemfibrozil 300mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Saffid Capsule
2. Bagaimana Saffid Capsule berfungsi
3. Sebelum mengambil Saffid Capsule
4. Cara mengambil Saffid Capsule
5. Semasa mengambil Saffid Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan Pelupusan Saffid Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Saffid Capsule

Saffid Capsule digunakan bagi merawat masalah hiperlipidemia (kandungan lemak tinggi dalam darah) dan bagi mengelakkan penyakit jantung dalam pesakit yang mengalami hiperlipidemia.

Saffid Capsule membantu mengurangkan kolesterol dan trigliserida (asid lemak) dalam darah. Paras kolesterol dan trigliserida yang tinggi dalam darah dikaitkan dengan peningkatan risiko *arterothrombosis* (salur darah tersumbat).

## Bagaimana Saffid Capsule berfungsi

*Gemfibrozil* tergolong dalam kelas ubat-ubatan yang dikenali sebagai fibrat. Ia bertindak dengan menghalang pengeluaran sesetengah jenis lemak dan kolesterol terutamanya yang dikenali sebagai trigliserida.

## Sebelum pengambilan Saffid Capsule

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Saffid Capsule sekiranya anda:

- mengalami alahan kepada gemfibrozil atau bahan-bahan dalam kandungan ubat
- mengalami alahan kepada fenofibrate atau ubat-ubat lain dalam kelas "fibrat" (seperti clofibrate, bezafibrate)
- sedang menyusukan bayi
- sedang hamil
- mengalami masalah hati, buah pinggang atau pundi hempedu yang teruk

### Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada alergi/alah terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahulah doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi. Doktor atau ahli farmasi anda akan membincangkan tentang risiko dan faedah yang terlibat. Sebelum mengambil ubat ini, beritahulah doktor anda semua masalah kesihatan anda.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda ambil termasuklah semua ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan lain.

Ubat yang boleh berinteraksi dengan Saffid Capsule termasuk:

- antikoagulan, ubat untuk mencairkan darah.
- lovastatin, ubat untuk mengurangkan kolesterol. Mengguna lovastatin serentak dengan gemfibrozil boleh meningkatkan risiko rhabdomyolysis (kerosakan tisu otot)

Sentiasa mendapatkan nasihat daripada doktor anda jika anda mengambil atau merancang untuk mengambil ubat lain bersama dengan Saffid Capsule. Beritahu doktor anda nama semua ubat-ubatan yang anda ambil supaya mereka boleh mempertimbangkan semua interaksi yang mungkin berlaku.

Saffid capsule boleh berinteraksi dengan ubat komplementari dan vitamin. Secara amnya, tiada banyak maklumat yang boleh diperolehi berkenaan dengan interaksi antara Saffid capsule dengan ubat komplementari atau vitamin.

Jika anda mengalami sebarang kesan yang luar biasa semasa mengambil ubat ini dalam kombinasi dengan ubat komplementari dan vitamin, anda perlu memberitahu doctor atau ahli farmasi anda.

## Cara pengambilan Saffid Capsule

Ikutilah segala arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan berhati-hati. Arahan tersebut mungkin berbeza dari risalah ini.

Sekiranya anda tidak memahami arahan pada label ubat tersebut, bertanyalah pada ahli farmasi, jururawat atau doktor anda bagi menjelaskan arahan tersebut.

### Berapa banyak perlu diambil

*Dos dewasa :*

Telan 4 kapsul (1.2g) sehari dalam 2 dos yang dibahagikan.

### Bila perlu diambil

Ubat ini diambil tiga puluh minit sebelum makan pagi dan malam

### Berapa lama perlu diambil

Teruskan mengambil ubat ini selama mana doktor anda mengarahkannya.

Amatlah penting untuk meneruskan pengambilan ubat ini walaupun anda sudah berasa sihat.

Berhenti mengambil ubat ini secara tiba-tiba boleh menyebabkan keadaan anda kembali kepada asal. Oleh itu anda perlu berbincang dengan doktor anda sekiranya anda mengalami masalah semasa mengambil ubat ini.

### Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja teringat. Walau bagaimanapun, jika sudah menghampiri waktu untuk dos berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa tadi dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau pergi ke hospital yang berdekatan dengan segera. Jangan memandu sekiranya anda mengambil terlalu banyak ubat ini.

## Semasa pengambilan Saffid Capsule

### Perkara yang perlu dilakukan

Berbincang dengan ahli farmasi atau doktor jika simptom anda tidak bertambah baik. Ahli farmasi atau doktor anda akan menilai keadaan anda dan memutuskan sama ada anda perlu terus mengambil ubat ini.

# SAFFID CAPSULE 300MG

Gemfibrozil 300mg

## Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Saffid Capsule untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disarankan kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

## Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera berat sehingga anda mengetahui kesan Saffid Capsule terhadap anda.

Jangan meminum arak semasa pengambilan ubat ini.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Saffid Capsule boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Beritahulah doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami kesan sampingan semasa mengambil Saffid Capsule. Kesan – kesan sampingan Saffid Capsule termasuk gangguan pencernaan seperti loya, muntah, cirit-birit, kembung perut dan ketidakselesaan perut. Kesan – kesan sampingan lain yang jarang berlaku termasuk sakit kepala, pening, keletihan, ruam kulit, mati pucuk, gangguan darah.

Ini bukan senarai yang lengkap. Anda haruslah memberitahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami masalah dengan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web

[portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers → Reporting)

## **Cara Penyimpanan dan Pelupusan Saffid Capsule**

### Penyimpanan

Simpanlah ubat ini di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya sentiasa di bawah 25°C. Lindungi dari cahaya.

Jangan menyimpan ubat didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kepanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melepasi tarikh luput yang dicetak pada bungkusannya.

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

### Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat Lanjut**

### Rupa dan warna produk

Kapsul panjang berwarna merah manggis dan putih, bersize "0" dengan cetakan logo Safire dalam kelabu.

### Bahan-bahan kandungan:

Bahan aktif:

Saffid Capsule mengandungi Gemfibrozil 300mg

Bahan tidak aktif:

Aerosil 200, Lactose DC, Sodium Lauryl Sulphate, Magnesium Stearate & Corn Starch

*Nombor MAL:*

MAL19962556AZ

### **Pengilang:**

Idaman Pharma Manufacturing Sdn. Bhd (661901-P)

Lot 24, Bakar Arang Industrial Estate 08000, Sungai Petani, Kedah.

### **Pemegang Pendaftaran Produk :**

Idaman Pharma Manufacturing Sdn. Bhd (661901-P)

Lot 24, Bakar Arang Industrial Estate 08000, Sungai Petani, Kedah.

### **Tarikh kemaskini risalah:**

29/07/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)180615/00155